



PERAK
Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"CONTOHI RASULULLAH SAW - SEJAHTERA KEHIDUPAN"

13 September 2024 / 9 Rabiulawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang sambutan Maulidur Rasul, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"CONTOHI RASULULLAH SAW - SEJAHTERA KEHIDUPAN"

Firman Allah SWT, ayat 21 surah al-Ahzab:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۖ﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang terbaik (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan senang)."

Sambutan Maulidur Rasul telah menjadi tradisi umat Islam di Malaysia. Maulidur Rasul disambut bukan untuk memperingati satu tarikh kelahiran, tetapi lebih utama untuk menginsafkan diri, meneladani sifat-sifat mulia, pengajaran yang disampaikan, serta amalan-amalan Baginda Rasulullah SAW dalam setiap aspek kehidupan, yang terlindung daripada sebarang kesesatan. Sabda Nabi SAW:

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ ، وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ ﷺ

Bermaksud: "Aku telah tinggalkan kepada kalian dua perkara, kalian tidak akan sesat selama-lamanya sekiranya berpegang kepada keduanya iaitu kitab Allah SWT (al-Quran) dan Sunnah Nabi SAW" (Hadis Riwayat Malik)

Muslimin yang dilimpahi bimbingan Ilahi,

Rasulullah SAW telah wafat pada 12 Rabiulawal tahun 11 Hijrah. Selepas 1455 tahun kewafatan Baginda, umat Islam pada hari ini menghadapi beberapa cabaran besar yang perlu diberikan perhatian. Antara cabaran tersebut;

Pertama: Perpecahan ummah.

Perpecahan ummah semakin berlaku, berpunca daripada perbezaan pandangan dan kepentingan, juga kerana perebutan kuasa keduniaan hingga masyarakat berpecah kepada pelbagai puak dan kabilah. Perpaduan dan kesatuan ummah yang menjadi asas kepada keutuhan dan kekuatan sesebuah masyarakat kini semakin dikorbankan. Akibatnya ummah menjadi lemah, semakin keliru, lalu kehilangan arah, tumpuan dan matlamat.

Kedua: Kemiskinan.

Kemiskinan ialah keadaan apabila seseorang tidak mempunyai harta benda dan pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, perubatan dan pendidikan; menyebabkan berada dalam kehidupan yang mundur, terpinggir dan tertinggal di belakang serta terhindar daripada mendapat peluang untuk menambah baik taraf kehidupan. Majoriti umat Islam di serata dunia pada ketika ini berada dalam kemiskinan walaupun mereka menetap di sebuah negara yang buminya memiliki hasil mahsul yang kaya.

Ketiga: Lemah pencapaian pendidikan dan tertinggal menguasai teknologi.

Majoriti umat Islam di serata dunia tidak memperlihatkan pencapaian pendidikan yang tinggi serta tertinggal menguasai pelbagai bidang teknologi terkini. Pencapaian pendidikan dan penguasaan teknologi merupakan kunci pembuka jendela kejayaan. Antara sebab kelemahan, ialah kurangnya kemudahan dan prasarana pendidikan yang dapat diperolehi oleh anggota masyarakat yang miskin, apatah lagi wanita di negara tertentu dipinggirkan, dan tidak diberikan peluang pendidikan yang sama dengan lelaki.



Keempat: Perbuatan pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan tadbir urus yang lemah.

Semakin banyak dilaporkan pemimpin yang diamanahkan tanggungjawab mengurus tadbir negara bersifat pecah amanah, menyalah guna kuasa, melakukan rasuah, mencuri khazanah dan kekayaan negara untuk memperkayakan diri, ahli keluarga dan kroni. Akibatnya tadbir urus negara semakin lemah, sumber negara menjadi tiris dan kekayaan negara semakin terhakis, menyebabkan rakyat menderita kerana terpaksa memikul beban membayar hutang negara, sedangkan pemimpin yang rasuah, pecah amanah dan menyalah guna kuasa diberikan perlindungan dan terus disanjung.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyampaikan beberapa pesanan berikut:

Pertama: Perpaduan dan kesatuan merupakan asas kekuatan umat Islam, seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT menerusi surah al-Anbiya ayat 92:

﴿إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّبِعُونِ﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, ugama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku."

Oleh itu ummah wajib bertekad membenamkan perbezaan dan menguburkan pertelingkahan, di sebaliknya berazam untuk membina jambatan persahabatan dan merangkaikan tali persaudaraan, membangunkan ummah dalam semangat bersaudara.

Kedua: Usaha membantu rakyat miskin dan usaha membasmi kemiskinan ialah tuntutan dan tanggungjawab yang wajib dipenuhi. Sebagai seorang Muslim menjadi tanggungjawab kita mengambil peduli penderitaan ummah dan berusaha untuk membanteras kemiskinan, mengambil pengajaran daripada sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَهْتُمْ بِأَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَلَيْسَ مِنْهُمْ

"Barang siapa yang tidak mengambil berat tentang urusan orang Muslim, maka ia tidak termasuk dalam golongan kami." (Hadis Riwayat al-Tabarani)

Ketiga: Ilmu pengetahuan ialah anak kunci untuk membuka jendela dunia. Membaca merupakan perintah pertama yang diterima oleh Rasulullah SAW daripada Allah SWT.



Membaca, membolehkan manusia mengenali dan kemudiannya menguasai ilmu pengetahuan. Membaca memungkinkan manusia menemui perkara-perkara baharu, mengangkat martabat manusia menjadi insan berilmu dan tinggi darjatnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadilah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Bermaksud: Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan Nya tentang apa yang kamu lakukan.

Oleh itu menjadi tanggungjawab pemimpin dan kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan berkualiti untuk rakyat yang menepati keperluan dunia semasa.

Keempat: Memilih pemimpin yang memiliki sifat-sifat Rasulullah SAW, pertama: *shiddiq* bermaksud benar dan jujur, dipelihara oleh Allah SWT tidak melakukan sebarang penipuan; kedua: *tabligh* bermaksud menyampaikan, untuk memberi peringatan, bimbingan, mempersiapkan manusia untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat; ketiga: amanah bermaksud boleh dipercayai, melakukan setiap tugas secara ikhlas semata-mata kerana Allah SW dan sama sekali tidak menggunakan kuasa untuk kepentingan peribadi; keempat: *fathanah* bermaksud cerdas iaitu memiliki pemikiran yang rasional dan daya intelek yang tinggi untuk menangani masalah dan perkara yang dirujuk kepada Baginda.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Hayyu! Ya Qayyum! Bimbing kami untuk sentiasa mencontohi RSAW dalam setiap perkara yang kami lakukan. Kurniai kami pemimpin yang menghayati dan mengamalkan sifat *uswatun hasanah* Rasulullah SAW, pemimpin yang senantiasa mengutamakan rakyat, berupaya mendamaikan dan mengharmonikan kehidupan rakyat yang pelbagai, serta mengamalkan keadilan dalam pemerintahan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah sekalian, di sini ada pengumuman ingin disampaikan iaitu Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) mengalu-alukan kehadiran para-Jemaah ke **Sambutan Maulidur Rasul** dan **Hari Terbuka Masjid** sempena **Islamic Tourism Month 2024** yang akan berlangsung pada 19 sehingga 21 September 2024.

Pelbagai aktiviti menarik bakal disajikan buat para pengunjung antaranya:

- **Qiamullail & Kuliah Subuh Perdana Maulidur Rasul** oleh Ustaz Hj. Munawir bin Salehuddin, Pengetua Sekolah Izzuddin Shah Ipoh.
- **Program “Sobahal Khair”** – Gaya Hidup Sihat Aktiviti dan permainan tradisional seperti Congkak, Batu Seremban, Memanah dan pertandingan gubahan hantaran.
- **Jualan Sejahtera Rakyat** – dapatkan barang keperluan dengan harga mesra poket!
- **Pelancaran Kiosk Informasi Pelancong**
- **Pemeriksaan Kesihatan Percuma**, seperti pemeriksaan mata, derma darah dan pemeriksaan berkala (darah tinggi, kencing manis, kolestrol dll)
- Pengumpulan pakaian terpakai dan pelbagai lagi!

Orang ramai dijemput membawa keluarga memeriahkan Hari Terbuka Masjid ini. Datang Ipoh, jangan lupa singgah Masjid Negeri Perak.

Moh kite jadikan masjid rapat di hati! Semoga para Jemaah sekalian dilimpahi rahmat Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan.